

TEKS USUL
PERSIDANGAN SIDANG MUDA PULAU PINANG 2018

USUL PENAMBAHBAIKAN SISTEM PERPARITAN DI GEORGE TOWN
OLEH SITI NURFARISHA BINTI DRAHMAN

Saya memohon Kerajaan Negeri untuk membaiki sistem perparitan di kawasan George Town sebagai satu cara untuk mengurangkan masalah banjir yang sering berlaku di kawasan tersebut ekoran musim hujan yang sering melanda pada hujung tahun.

Saya berpendapat bahawa banjir yang berlaku di kawasan George Town berlaku ekoran sistem perparitan yang tidak sistematik serta kedalaman dan kelebaran longkang untuk menampung air hujan tersebut. Kesempitan longkang di George Town menyebabkan air hujan itu melimpah keluar dan membanjiri jalan raya kawasan tersebut.

Saya menegaskan pelaksanaan projek tebatan banjir yang telah dijalankan di Teluk Kumbar merupakan langkah terbaik untuk diaplikasikan di kawasan George Town demi mengatasi masalah banjir bandar tersebut. Hal ini juga bakal membantu dalam memastikan sektor pelancongan Pulau Pinang tidak lagi terjejas sekiranya berlaku hujan lebat di kawasan George Town.

Saya percaya penambahbaikan sistem perparitan ini mampu menangani masalah banjir yang sering melanda penduduk George Town. Perkara ini dapat dicapai melalui mekanisme yang mengambil berat kepentingan dan kesejahteraan penduduk serta pelancong kawasan George Town agar masalah berbangkit ini mampu ditangani.

Sekian, terima kasih.

Yang ikhlas,

Siti Nurfarisha Binti Drahman
Ahli Sidang Muda 2018